

Kastam gagalkan 3 cubaan edar dadah RM6.65j

Dengkil: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melalui Cawangan Narkotik, Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat menumpaskan tiga cubaan sindiket pengedaran dadah dengan jumlah rampasan keseluruhan seberat 40.778 kilogram (kg) bernilai kira-kira RM6.65 juta.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan), Siti Mang berkata, kejayaan hasil pelaksanaan risikan dan tindakan pantas pasukan JKDM dalam tiga kes berasingan di Selangor dan KILA.

Menurutnya, pada 12 September lalu hasil maklumat daripada Direktorat Jeneral Kawalan Narkotik, Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi, JKDM menja-



SITI (tengah) pada sidang media JKDM tumpaskan sindiket pengedaran dadah dan operasi kilang arak haram.

lankan pemeriksaan ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang.

Katanya, pemeriksaan serbuk putih

mampu disyaki kokain seberat 25,740 gram bernilai RM5.15 juta.

"Kontena itu didaftarkan sebagai alat pemeriksaan tekanan darah dan dalam

proses pemindahan penghantaran ke Australia," katanya pada sidang media di sini semalam.

Siti berkata, sindiket dipercayai menggunakan

mod operasi mencampur dadah bersama dagangan sah bagi mengaburi pihak berkuasa dan jumlah rampasan kokain itu terbesar untuk tahun ini.

Menurutnya, bagi kes kedua pada 11 September, JKDM menyerbu satu lokasi di Banting, Selangor dan menjumpai sebuah Toyota Camry ditinggalkan di tepi jalan kawasan perumahan.

Katanya, pemeriksaan menemui 367 gram MDMA bernilai RM61,289 bersama dua pucuk senjata api, ke-lopak peluru dan peluru hidadup.

"Dadah tersebut disorokkan di dalam kompartmen kenderaan yang diubah suai, dipercayai untuk didedarkan kepada pasaran tempatan," katanya.